



KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan Tahun 1923)

(KOPERASI KREDIT KAKITANGAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN GLC MALAYSIA)

SURAT PEKELILING KOSWIP BIL. 2/2025

Tarikh : 17 Zulkaedah, 1446H
15 Mei, 2025

Kepada :

Semua Anggota
Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

Tuan/Puan,

PERKARA : PENYERAHAN 3 BULAN PENYATA BANK BAGI PERMOHONAN PEMBIAYAAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada Mesyuarat Kredit Bil. 05/2025 bertarikh 09 Mei 2025 mengenai perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa mesyuarat telah memutuskan semua permohonan pembiayaan Anggota Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad yang bayaran gaji tidak melalui Jabatan Akauntan Malaysia/ tiada QR kod (contohnya Anggota yang bekerja di GLC seperti TNB, TM, Pos Malaysia atau badan berkanun seperti LHDN, MARA, KWSP) adalah dikehendaki mengemukakan tiga (3) bulan penyata bank terkini yang menunjukkan kemasukan gaji.

Penyata bank yang dikemukakan mestilah :

- Dalam tempoh tiga (3) bulan terkini dari tarikh permohonan;
- Mempunyai nama pemohon yang jelas dan transaksi kemasukan gaji yang boleh dikenalpasti;
- Disertakan bersama dokumen permohonan pembiayaan.

Penyerahan dokumen ini adalah penting bagi membantu pihak koperasi membuat semakan dan penilaian terhadap keupayaan kewangan pemohon sebelum sebarang kelulusan pembiayaan diberikan.

Sebarang permohonan yang tidak lengkap atau tidak mengemukakan penyata bank seperti yang dinyatakan tidak akan diproses sehingga dokumen lengkap diterima.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"KOSWIP TRANSFORMASI BERINOVASI"

Saya yang menjalankan tugas,


AZLAN BIN ALIAS

Setiausaha

b.p Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

s.k :

IBU PEJABAT:

i. Blok A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur.
Telefon : (603) - 2201 0009 Faksimili : (603) - 2201 4989 / (603) - 2201 3312
Emel : webmaster@koswip.org.my / koswip@gmail.com / koswip2@gmail.com Laman Web : www.koswip.org.my
Facebook : Koperasi Koswip Malaysia Berhad

CAWANGAN:

A-01-U08, Jalan P8D, 62250 Presint 8, Putrajaya.
Telefon : (603) - 8888 4011 Faksimili : (603) - 8888 4022 Emel : koswip3@gmail.com